



KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

TEKS UCAPAN

MAJLIS PERSARAAN KETUA PENGARAH

ENCIK SHAHARUL SADRI BIN ALWI

27 MEI 2024 (ISNIN)

CYBERVIEW RESORT & SPA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis,

Pengarah-Pengarah Bahagian

Warga Kerja JSM,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Saya memanjatkan setinggi-tinggi puji dan syukur pada Allah SWT kerana memberikan kesempatan yang sangat bernilai pada saya untuk kita semua sama-sama berkumpul di dalam majlis pada hari ini.
2. Kehadiran tuan / puan pada hari ini membuatkan saya berasa amat terharu. Saya sangat menghargai kehadiran dan pertemuan kita semua pada hari ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga JSM atas penganjuran Majlis Persaraan ini.

Tuan / Puan,

PENGHUJUNG PERKHIDMATAN

3. Sudah menjadi lumrah dalam kehidupan, setiap yang bermula pasti akan berakhir. Setiap yang hidup pasti mati. Itulah kehidupan. Mahu atau tidak, perkara tersebut tidak mungkin dapat dielakkan. Dalam dunia pekerjaan, sejak menjadi warga JSM dari Februari 1998, saya telah

menempuh pelbagai cerita suka duka dalam sebuah perpisahan dan kehilangan. Namun realitinya, setiap yang patah sudah pasti akan tumbuh, yang masak akan gugur. Orang-orang yang pergi; yang meninggalkan berjuta memori barangkali hanya akan menjadi pemangkin yang dapat menyuburkan keazaman untuk lebih berdaya saing dalam sebuah perjuangan sebagai insan.

4. Sepanjang saya berkhidmat 26 tahun di JSM ini, saya amat menghargai segala jasa baik, kerjasama dan kasih sayang yang telah diberikan oleh semua warga JSM. Segala kenangan dan pahit manis kita bersama dalam menjalankan tanggungjawab dan tugas akan sentiasa sematkan di dalam lubuk hati saya.
5. Kenangan dan pengalaman bersama akan sentiasa subur dalam ingatan saya sepanjang menjadi warga JSM. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua warga JSM yang telah sama-sama memberi tunjuk ajar dan semangat dalam saya mengurus tadbir dan melancarkan segala urusan di JSM ini.
6. Saya juga ingin mengambil kesempatan yang terluang ini, menyusun sepuluh jari memohon maaf kepada seluruh warga JSM yang telah sama-sama mencurahkan bakti untuk anak bangsa yang kita cintai. Saya memohon agar dihalalkan makan minum dan segala ilmu yang telah dikongsi bersama sepanjang saya berkhidmat di JSM.
7. Saya juga berdoa JSM sentiasa dalam perlindungan Allah SWT agar Jabatan ini dapat berkembang dengan lebih maju dan cemerlang.

Tuan / Puan,

NASIHAT DAN PANDUAN: BUDAYA KERJA BERPASUKAN

8. Budaya merupakan sistem nilai, kepercayaan dan tradisi yang menjadi panduan kepada tingkah laku individu. Ia akan mempengaruhi individu dan organisasi yang dianggotai olehnya. Oleh itu, adalah penting bagi sesebuah organisasi untuk mempunyai budaya yang cemerlang di mana setiap individu berkongsi visi dan misi yang sama terhadap keunggulan organisasi. Individu perlu menghayati dan mengamalkan konsep kerja yang mengutamakan amalan terbaik, bukan sahaja dalam mengendalikan tugas tetapi juga dalam perhubungan dengan pelanggan dan rakan sekerja.

9. Untuk menentukan anggota bertugas dengan tekun, sempurna dan sentiasa berusaha memperbaiki prestasi kerja, kita perlu membangunkan pekerja dan pasukan berprestasi tinggi (exceptional people and teams) yang dapat menghayati falsafah dan budaya kerja organisasi. Ini dapat dilaksanakan melalui dinamik sistem organisasi yang merangkumi latihan, pembangunan pasukan kerja dan menjadikan mereka asas pendekatan pengurusan organisasi ke arah mengintegrasikan budaya dan proses kerja cemerlang. Untuk menentukan kejayaan pendekatan ini, budaya kerja berteraskan penambahbaikan berterusan perlu diamalkan dalam semua aspek pelaksanaan tugas di semua peringkat.

Tuan / Puan,

KEIKHLASAN BERBAKTI PERLU DIKEKALKAN

10. Semangat ingin bertugas dan menyumbang bakti dengan tulus ikhlas kepada rakyat perlu terpahat di kalangan semua penjawat awam. Hari ini, generasi seusia dengan saya sudah semakin sedikit bilangannya, namun legasi dan semangat untuk berbakti perlu diteruskan oleh generasi penjawat awam pada masa kini.
11. Semangat untuk berkhidmat dan menyumbang bakti secara ikhlas perlu sentiasa disuburkan, kerana kita tidak mahu melihat generasi muda penjawat awam lebih mementingkan kemudahan yang mereka terima daripada sumbangan yang mereka berikan.
12. Kelangsungan semangat untuk berkhidmat dengan ikhlas boleh direalisasikan dengan usaha yang berterusan untuk meningkat dan menambah baik perkhidmatan yang diberikan. Berkenaan perkara ini, saya juga sering mengingatkan pegawai-pegawai di JSM bahawa kita perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan nilai (add value) kepada kerja harian kita. Walau pun kita laksanakan dalam skop yang kecil, tetapi apabila ramai daripada kita yang berbuat demikian, kesannya tentu akan menjadi besar dan dapat dirasakan oleh pihak yang menerima perkhidmatan tersebut.
13. Saya percaya bahawa jika setiap individu penjawat awam dapat melaksanakan kerja dengan pantas dan cekap, bersikap profesional dan berintegriti, Perkhidmatan Awam akan menjadi efisien dan seterusnya menyumbang kepada negara yang membangun, maju dan makmur.

Tuan / Puan,

BERSYUKUR DAN MEMBERI KEUTAMAAN DALAM HIDUP

14. Secara asasnya, persaraan adalah pengakhiran bagi sesuatu dan permulaan kepada sesuatu yang lain. Bak kata pepatah Inggeris “Retire from work, but not from life”. “*Life is like riding a bicycle. You don’t fall off unless you stop pedalling*”. Kita hanya benar-benar bersara apabila dijemput Yang Maha Esa ke alam lain.
15. Di sini, saya ingin mengajak semua warga JSM agar mencari titik keseimbangan dalam kehidupan kita. Tanggungjawab ke atas kerja adalah penting, tetapi dalam masa yang sama tanggungjawab kita ke atas diri sendiri dan keluarga adalah sama penting kerana kesemua elemen ini saling berkait rapat.
16. Jangan sesekali kita lupa untuk membajai hubungan kita dengan mereka yang berada di luar ruang lingkup kerja. Dan jangan juga lupa untuk meneruskan minat dan hobi yang kita ada. Keluarga, kawan-kawan dan jiran adalah jaringan sokongan yang memastikan keseimbangan dalam kehidupan dan pembangunan sahsiah diri seseorang.
17. Manfaatkanlah persekitaran kerja dan kemudahan yang disediakan agar kesihatan mental dan fizikal kita semua berada pada tahap yang optimum. Saya percaya suasana kerja yang kondusif membantu meningkatkan produktiviti dan menggalakkan pertukaran idea sekaligus membantu organisasi mencapai keberhasilan yang disasarkan.

Tuan / Puan,

PENUTUP

18. Saya berharap Ketua Pengarah seterusnya dapat meneruskan misi-misi jabatan yang belum selesai dan mengekalkan budaya kerja sedia ada agar JSM dapat berkembang lebih maju.

19. Buat akhirnya, terimalah rangkap kata-kata khas saya tujukan untuk semua warga JSM ikhlas dari lubuk hati saya,

Sudah adat bertemu,
Tentu ada perpisahannya
Sudah adat berjumpa,
Tentu ada nokhtah perhentiannya

Kalau diturutkan hati
Tentu tak mahu melepaskan diri ini untuk pergi
Tapi apakan daya...
Sudah tersurat dari ilahi

Pertemuan kita hanya setakat ini...
Oleh itu janganlah ianya diratapi....
Apa yang lebih penting...
Hubungan sillaturahim akan terus kekal abadi.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh :
Unit Komunikasi Strategik

Tarikh: 27 Mei 2023

